

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 2 TAHUN 2022**

Tarikh : 23 Februari 2022 (Rabu)

Masa : 10.00 pagi – 11.40 pagi

Tempat : *Hybrid*
Bilik Mesyuarat Kenanga dan
Secara Dalam Talian
(Aplikasi Zoom *Meeting*)

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya.

2.0 TAYANGAN AKTIVITI BULAN FEBRUARI 2022

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Februari 2022.

3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya kali yang kedua tahun 2022 dan merupakan Mesyuarat Penuh pertama yang dipengerusikan oleh beliau. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti berikut :

- i) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.
- ii) Pengisytiharan kepentingan peribadi bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytihar kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan serta hendaklah berkecuali dengan menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.
- iii) Datuk Bandar memaklumkan berkenaan isu perubahan iklim di Malaysia. Masalah perubahan iklim bukanlah satu perkara baharu dan banyak kajian yang dijalankan oleh para saintis telah memberi amaran bahawa kesan perubahan iklim kini semakin buruk sekali gus mengundang bencana alam yang lebih kerap. Malah, pada

abad ini kita sudah menyaksikan banyak bencana alam telah berlaku.

Kesan pemanasan global turut menyumbang kepada berlakunya taufan yang lebih kuat, hujan lebat luar biasa serta kepanasan yang melampau. Bencana alam yang disebabkan oleh pengaruh cuaca ekstrem seperti banjir telah mendatangkan mala petaka di seluruh dunia.

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh sekumpulan saintis iklim mendapati perubahan ekstrem dalam pola cuaca seperti suhu, hujan dan kelembapan adalah berpunca daripada perubahan iklim.

MBSJ juga tidak terkecuali menerima tempias apabila menghadapi kejadian banjir luar biasa di beberapa kawasan pentadbiran Majlis baru-baru ini. Kawasan pentadbiran MBSJ yang terlibat dengan banjir luar biasa adalah di kawasan Kampung Bukit Lanchong, Kampung Tengah, Kampung Kenangan, Kampung Sri Aman, Kampung Kuala Sg Baru serta Batu Tiga. Hakikatnya, ramai tidak menjangka banjir besar akan berlaku di Selangor kerana tidak pernah berlaku sebelum ini.

Namun, banjir ekstrem tersebut tidak hanya disebabkan oleh pengaruh cuaca dan iklim semata-mata, tetapi juga akibat campur tangan keterlaluan manusia yang mengubah unsur iklim ke tahap yang ekstrem sehingga berpotensi mewujudkan dan

memburukkan lagi kejadian bencana seperti banjir. Proses pembandaran pesat dan padat telah menyebabkan banyak kawasan yang dibangunkan selaras dengan arus pemodenan. Kawasan-kawasan tanah rendah pula ditebus guna dengan mengambil tanah daripada kawasan bukit. Terdapat juga anak-anak sungai yang ditimbus untuk dijadikan tapak bangunan sehingga mengganggu aliran air. Sikap segelintir masyarakat yang membuang sampah di longkang dan parit serta sisa bahan binaan dan industri sehingga menyekat laluan air turut menyumbang kepada episod banjir kilat.

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan kejadian banjir buruk tidak berulang, Majlis akan memastikan pembangunan lestari serta memperkukuh perundangan dan memperketat syarat pembangunan.

Di samping itu juga, Majlis turut mewujudkan rancangan komunikasi banjir bagi memberi maklumat dan hebahan berkaitan banjir dari masa ke masa kepada penduduk setempat dengan mewujudkan :

- i) Sistem pengesanan banjir MBSJ yang akan mengesan sesuatu paras air di tahap bahaya dan siren amaran akan dibunyikan di kawasan lokasi banjir untuk menyampaikan amaran banjir kepada penduduk sekitar.

Mesej amaran akan dikeluarkan ke Pusat Kawalan Subang Jaya (Command Center) dan amaran akan disebar luas melalui aaplikasi media sosial MBSJ seperti Facebook, Twitter, Instagram serta Aplikasi Whatsapp Majlis Perwakilan Penduduk (MPP), Ketua Kampung, Penghulu Mukim dan juga Pasukan Keselamatan / Agensi Pengurusan Bencana Daerah;

- ii) Melaksanakan Program Pendidikan kepada Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) dan Penduduk di kawasan hotspot banjir;
- iii) Mengemaskini direktori nombor telefon wakil penduduk yang berada di kawasan banjir untuk dihubungi atau disampaikan mesej amaran;
- iv) Menubuhkan Sukarelawan PANTAS di Lokasi Bencana.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Saliran dan Pengairan Selangor telah membuat pemetaan kawasan *hotspot* banjir di seluruh kawasan Negeri Selangor. Usaha ini diharap dapat membantu MBSJ mengambil tindakan segera sekiranya kejadian banjir berlaku.

- iv) Datuk Bandar juga turut memaklumkan berkenaan hasil Majlis tahun 2022. Bagi tahun ini, MBSJ telah menganggarkan hasil sebanyak RM 279.14 juta iaitu peningkatan sebanyak RM 18.92 juta. Hasil ini akan digunakan untuk perbelanjaan mengurus sebanyak RM192.56 juta manakala perbelanjaan pembangunan sebanyak RM 105 juta.

Hasil cukai menyumbang 74% daripada jumlah keseluruhan hasil Majlis, maka Majlis akan mengatur beberapa strategi yang berkesan dan tindakan yang lebih agresif dan proaktif agar sasaran kutipan hasil tahun ini dapat dicapai.

Beberapa pendekatan kutipan akan diteruskan dan ditambah baik seperti berikut :

- (i) Memberi pesanan ringkas (SMS) berkenaan pembayaran cukai kepada penduduk mengikut data nombor telefon yang diperolehi;
- (ii) Unit Sita mengeluarkan notis kepada pemilik yang mempunyai tunggakan cukai yang tinggi khususnya kawasan komersil dan perumahan mewah;
- (iii) Menggunakan kakitangan Majlis untuk menghantar bil cukai secara bersasar serta notis;
- (iv) Bekerjasama dengan pihak swasta seperti Shopee untuk memberi rebat sebanyak RM 5.00 kepada pengguna;
- (v) Menyediakan kemudahan urus niaga secara dalam talian secara meluas antaranya portal EZYMBSJ dan aplikasi mobile EzyPay;
- (vi) Membuat hebahan meluas menggunakan *banner*, *billboard* dan media sosial rasmi Majlis;
- (vii) Bekerjasama dengan Ahli Majlis serta Majlis Perwakilan Penduduk dalam usaha memberi pendedahan membuat

urusan semak dan bayar cukai secara dalam talian kepada penduduk.

Setakat 31 Januari 2022 prestasi kutipan adalah baik dan pihak Majlis telah berjaya mengutip sebanyak RM 32.99 juta iaitu peningkatan sebanyak 4% berbanding bulan yang sama pada tahun lepas. Diharapkan minggu terakhir bulan Februari ini, penduduk MBSJ dapat menunaikan tanggungjawab mereka untuk membayar cukai bagi memastikan Bandaraya ini dapat diurus dengan baik, bersih dan selamat. MBSJ amat komited dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti walaupun dalam keadaan semasa yang tidak menentu dengan wabak Covid19.

- v) Beliau turut memaklumkan berkaitan Pertandingan Kebun Komuniti Bandar MBSJ 2022. Syarat pertandingan adalah seperti berikut:
- a. Kebun Komuniti Bandar yang berminat boleh menyertai dengan mengemukakan borang penyertaan melalui 'link' QR Code. Lampiran sokongan oleh Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Zon masing-masing perlu dikemukakan.
 - b. Penyertaan terbuka kepada semua kebun yang diluluskan oleh Majlis pada tahun 2021 dan sebelumnya sahaja.
 - c. Kebun yang diluluskan antara tahun 2020-2021 sahaja layak dicalonkan untuk Anugerah Pucuk Muda.
 - d. Penilaian pertandingan ini akan dikira sepanjang tempoh 6 bulan daripada bulan April sehingga September 2022.

- e. Setiap pasukan akan dihubungi dan dikehendaki menghantar laporan sebelum 30 Oktober 2022 untuk tujuan penilaian.
- f. Keputusan hakim adalah muktamad dan sebarang bantahan tidak akan dilayan.
- g. Majlis tidak akan menanggung sebarang tanggungjawab atau liabiliti berkenaan aktiviti sepanjang tempoh pertandingan.

Hadiah bagi Kategori bagi pertandingan adalah seperti berikut;

Kategori Pertandingan	Hadiah/Cenderamata/Sijil
Kebun Komuniti Bandar i) Kategori Perumahan 'Landed' ii) Perumahan Bertingkat	<ul style="list-style-type: none">▪ Tempat Pertama RM3,000▪ Tempat Kedua RM2,000▪ Tempat Ketiga RM1,000▪ 3 saguhati x RM800.00
Anugerah Pucuk Muda	4 Hadiah x RM800.00
Kebun Komuniti Bandar (Institusi)	Penghargaan RM1,000
Penghargaan Hijau i) Inisiatif Swasta ii) NGO	Penghargaan x RM2,000

- vi) Datuk Bandar membuat pemakluman berkaitan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MBSJ 2021 bagi meraikan kakitangan seramai 119 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan 11 orang pesara akan diadakan pada 25 Mac 2022 (Jumaat), jam 8.00 malam bertempat di Shah Alam Convention Centre. Tema Majlis adalah batik. Majlis tersebut akan dihadiri oleh tetamu

kehormat iaitu Y.A.B Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.

- vii) Beliau turut memaklumkan berkenaan Pertandingan Badminton Beregu yang akan diadakan pada 26 Mac 2022 (Sabtu), jam 9.00 pagi bertempat di Dewan Serbaguna MBSJ BK 5, Bandar Kinrara. Pertandingan ini diadakan sempena perasmian Dewan Serbaguna MBSJ BK5, Bandar Kinrara bagi memperkenalkan kemudahan sukan dan riadah kepada penduduk, golongan belia dan remaja.

Yuran penyertaan bagi setiap pasukan adalah sebanyak RM 30.00. Pertandingan ini terbuka kepada semua peringkat umur dan format pertandingan dijalankan secara liga. Kategori pemain adalah beregu lelaki dan beregu wanita dan terhad kepada 32 beregu lelaki dan 16 beregu wanita yang terawal.

Hadiah pertandingan adalah Johan akan menerima wang tunai sebanyak RM750.00, piala dan medal, Naib Johan wang tunai sebanyak RM 500.00 beserta medal manakala tempat ketiga dan keempat wang tunai sebanyak RM 250 beserta medal.

- viii) Pemakluman berkenaan kes demam denggi di kawasan MBSJ menunjukkan sehingga Minggu Epid 7 iaitu setakat 19 Februari 2022, terdapat sebanyak 358 kes positif demam denggi dilaporkan di kawasan pentadbiran MBSJ. Terdapat 1 lokaliti hotspot denggi iaitu di USJ 6/2.

Oleh itu, masyarakat diminta memastikan kawasan dan persekitaran premis masing-masing bebas daripada tempat pembiakan nyamuk Aedes dengan meluangkan masa 10 minit seminggu sekali untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan di dalam dan sekitar premis masing-masing.

- ix) Perkongsian maklumat berkenaan kes covid-19 menunjukkan Malaysia dan banyak negara lain sedang menghadapi gelombang varian Omicron Covid 19. Kes Covid 19 di kalangan kakitangan MBSJ juga menunjukkan peningkatan sejak kebelakangan ini.

Sejak pandemik Covid 19 ini bermula dan sehingga 21 Februari 2022 terdapat sebanyak 352 kes positif dilaporkan di kalangan kakitangan MBSJ dengan 3 kematian dan kes terakhir adalah pada bulan Ogos 2021.

Bagi situasi semasa, iaitu sehingga 21 Februari 2022 terdapat 30 kes positif aktif dan sebanyak 47 kontak rapat telah dikesan di kalangan kakitangan MBSJ.

Sehubungan dengan itu, walaupun telah menerima suntikan vaksin Covid 19, masyarakat diingatkan untuk tidak leka dan terus mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan mengelakkan 3S (Sesak, Sempit dan Sembang Dekat) serta mengamalkan 3W iaitu *Wash* (kerap basuh tangan / menggunakan *hand sanitizer*), *Wear* (digalakkan memakai pelitup mulut dan hidung), *Warn* (tidak

bersalaman, etika batuk / bersin, disinfeksi serta periksa suhu badan).

- x) Bermula 1 April 2022, MBSJ akan mengaktifkan sepenuhnya parkir secara elektronik menggunakan *smart parking* yang dibangunkan oleh pihak SSDU. Perkhidmatan pihak Godell Sdn. Bhd. akan tamat pada 31 Mac 2022.

- xi) MBSJ juga akan melaksanakan parkir 2 jam di kawasan hot zone bermula 1 Jun 2022. Antara kawasan yang akan terlibat adalah di USJ 9, USJ 10, SS 15, Bandar Puteri Puchong dan Bandar Sunway. Majlis sedang dalam proses memperincikan perkara ini daripada segi perundangan bagi mewartakan perkara ini di bawah Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Majlis Bandaraya Subang Jaya).

- xii) Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan berharap mesyuarat pada hari ini berjalan lancar.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 1/2022

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2022 bertarikh 26 Januari 2022 (Rabu) disahkan disahkan tanpa pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 12/2021

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2022 bertarikh 26 Januari 2022 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 2/2022 bertarikh 26 Januari 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 2/2022 bertarikh 9 Februari 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 2/2022 bertarikh 15 Februari 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 3.5 & m/s 8	Encik Yap Kok Weng	Isu kesesakan trafik di kawasan Bukit Tandang	Beliau memaklumkan bahawa maklum balas menyatakan satu mesyuarat <i>town hall</i> akan dilaksanakan pada bulan Mac 2022. Namun demikian tarikh sebenar mesyuarat masih belum ditetapkan. Mohon kerjasama untuk menetapkan serta memaklumkan tarikh mesyuarat <i>town hall</i> dengan kadar segera bagi memberi peluang kepada penduduk untuk menyertai mesyuarat

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				tersebut. Keputusan Mesyuarat : Mesyuarat bersetuju perkara ini dibincangkan semula dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam MBSJ akan datang. Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 2/2022 bertarikh 16 Februari 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.12 & m/s 15	Encik Yap Kok Weng	Kertas Perakuan Draf Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat letak Kereta) (Majlis Bandaraya Subang Jaya)(Pindaan) 2022 Berkaitan Peruntukan Tempat Letak Kereta “Hot Zone”	Beliau memaklumkan bahawa senarai terperinci jalan yang terlibat sepatutnya dibentangkan dalam Mesyuarat Pre-Council namun pembentangan tersebut tidak dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, beliau memohon perkara berikut dilaksanakan : i) Melaksanakan satu Mesyuarat Khas sebelum bulan April untuk perbincangan lebih lanjut. ii) Menjemput pihak SSDU untuk memberikan taklimat berkenaan penggantian kupon yang tidak digunakan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan akan datang.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat memutuskan perkara berikut :</p> <p>i) Mesyuarat khas berkenaan peruntukan tempat letak kereta <i>hot zone</i> akan dilaksanakan dengan segera.</p> <p>ii) Pihak SSDU akan dijemput untuk memberikan taklimat berkenaan penggantian kupon yang berlebihan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan akan datang.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Perbendaharaan</p>

6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2022 bertarikh 17 Februari 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 2/2022 bertarikh 21 Februari 2022 Bagi Cadangan Perubahan Sementara Aliran Trafik di Kawasan Puncak Jalil Bagi Kerja-kerja Pemasangan Paip Air Langat 2 Bersaiz 1200mm Diameter di jalan Persiaran Puncak Jalil dan Persiaran Puncak Jalil Taman Puncak Jalil, Seri Kembangan

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT

7.1 Kertas Cadangan Kemudahan Perlindungan Polisi Insuran Secara Berkelompok (Master Fleet) Untuk Kenderaan dan Jentera MBSJ bagi tahun 2022/2023

Kertas cadangan ini telah disediakan oleh Jabatan Kejuruteraan dan dibentangkan oleh Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, Pengarah Kejuruteraan.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima Cadangan Kemudahan Perlindungan Polisi Insuran Secara Berkelompok (Master Fleet) Untuk Kenderaan dan Jentera MBSJ bagi tahun 2022/2023 iaitu pakej harga premium insuran termasuk tambahan pakej perlindungan bencana alam oleh agensi Syarikat Takaful Malaysia dengan harga insuran premium berjumlah RM 384,772.50.

Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan

8.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penanguhan telah disampaikan oleh Parti Whip PKR, Encik M.Anbarasan A/L Murugesu.

9.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.40 pagi.

Tarikh Disediakan : 25 Februari 2022

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Timbalan Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(DATO' JOHARY BIN ANUAR), D.P.M.S

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

HADIR DI PEJABAT

- | | | | |
|----|--|---|-------------------------|
| 1. | Dato' Johary bin Anuar, D.P.M.S.
Datuk Bandar | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Timbalan Datuk Bandar | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N., P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan | - | Timbalan
Setiausaha |

HADIR (AHLI MAJLIS) DI PEJABAT

- | | | | |
|----|---|---|-------------|
| 1. | Encik Yap Kok Weng | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 3. | Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim | - | " |
| 4. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 5. | Encik Thomas Yew Sin | - | " |
| 6. | Encik Thamilarusu a/l Sandayan | - | " |
| 7. | Encik Wong Yii Seang | - | " |
| 8. | Puan Lee Jen Uyin | - | " |
| 9. | Puan Ng Seow Chen | - | " |

10.	Encik Thong Kim Fatt	-	"
11.	Encik Mohd Tarmizi bin Lazim	-	"
12.	Encik Muhammad Khairil bin Khalid	-	"
13.	Encik Teh Eng Teck	-	"
14.	Encik Mohd Fitri bin Jamaludin	-	"
15.	Puan Aniza binti Jamaludin	-	"
16.	Encik Mohamad Syafiq bin Mohamad Norizan	-	"
17.	Cik Syafiqqa binti Zakaria	-	"
18.	Encik Jestin Raj Savarimuthu	-	"
19.	Encik Mohamad Kamil bin Harun	-	"
20.	Encik Jaafar bin Mat Akid	-	"

HADIR (AHLI MAJLIS)- DALAM TALIAN DI KEDIAMAN MASING-MASING

1.	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	-	Ahli Majlis
2.	Encik Mehanatan a/l Embamurthi	-	"
3.	Encik Kenneth Sam a/l Samintahan	-	"
4.	Encik Muhammad Fauzan bin Rosli	-	"

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)- PEJABAT

1. Tuan. Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
2. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
3. Puan Hjh. Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
4. Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
5. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
6. Encik Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
7. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Pengarah, Jabatan Pelesenan
8. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
9. Ts Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
10. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
11. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, K.M.N, P.J.K.
Pengarah, Unit Audit Dalam
12. Sr Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
13. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

14. Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB
15. Puan Azlina Binti Mat Salim
Penolong Pengarah (Kanan), Jabatan Landskap
16. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti
17. TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar

**TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)- DALAM TALIAN DI
PEJABAT/KEDIAMAN MASING-MASING**

1. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan
2. Encik Farid bin Ibrahim
Pengarah, Jabatan OSC

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. TPr Ismail bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar

URUSETIA

1. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Sakinah binti Mohammad
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan